BACAAN DAN PEMAHAMAN 1

Nama saya Ali. Saya ada kawan baik. Nama dia Aman. Kami berkawan sejak dari Tahun Satu.

Pada suatu hari, saya dan Aman bermain basikal di taman. Kami sangat gembira menaiki basikal keliling taman yang cantik itu. Kami berehat seketika untuk minum air. Aman juga berkongsi sedikit roti coklat yang dibawanya kepada saya.

Kami sambung menaiki basikal tetapi semasa saya ingin belok ke kanan, saya hilang kawalan dan terjatuh. Lutut saya berdarah. Aman turun dari basikalnya dan berlari kearah saya. Dia menolong saya untuk duduk.

Selepas itu, Aman membantu menolak basikal saya sehingga di hadapan rumah. Ibu saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Aman.

1. **Siapakah Aman?**

A: Kawan baik Ali B, Abang kepada Aman C. Jiran Ali

2. **Aman dan Ali bermain…..**

A. Gelongsor di taman B. bola sepak di padang C. basikal di taman.

3. **Apakah yang dikongsi oleh Aman kepada Ali?**

A. Roti coklat B. Roti dan aiskrim C. Air sejuk

4. Apakah yang terjadi kepada Ali semasa dia belok ke kanan?

Ali _____.

5. Apakah yang dilakukan oleh Aman apabila dia nampak Ali jatuh dari basikal?

Aman turun dari basikalnya dan_____.

6. Daripada cerita ini, adakah Aman seorang kawan yang baik?

A. Ya B. Tidak

Tuliskan keadaan yang manakah dalam petikan yang menunjukkan Aman seorang kawan yang baik.

i.
ii.
iii.

BACAAN DAN PEMAHAMAN 2

Saya juga mempunyai kawan baik. Nama kawan baik saya ialah Nur Aishah Sulliely bt Mohd Lee atau lebih mesra dipanggil Sullie. Saya dan Sullie berkongsi umur dan tarikh lahir yang sama iaitu berumur 12 tahun dan lahir pada 14 September 2001. Sullie merupakan anak sulung dari 4 orang adik-beradik. Dia merupakan seorang kakak yang baik hati, prihatin dan bertanggungjawab. Dia dan keluarga tinggal di Taman Seri Indah, Damansara dan berasal dari Seoul, Korea Selatan.

Sullie yang berdarah kacukan Malaysia dan Korea ialah seorang pendengar yang setia. Dia juga merupakan seorang murid yang pandai. Walaupun kerap mendapat tempat pertama dalam peperiksaan, Sullie tidak pernah sombong atau berlagak. Malah dia sering membantu rakan-rakan yang lemah dalam pelajaran termasuk saya.

Cari maksud frasa di bawah bersama guru dalam Bahasa Inggeris:

1. baik hati	
2. prihatin	
3. bertanggungjawab	
4. pendengar yang setia	
5. murid yang pandai	
6. tidak sombong	
7. tidak berlagak	
8. anak sulung	

a. Siapakah nama kawan baik yang dinyatakan di dalam petikan?

Nama kawan baik tersebut ialah _____.

b. Bilakah tarikh lahir mereka berdua?

Tarikh lahir mereka berdua ialah pada _____.

c. Sullie berasal dari mana?

Sullie berasal dari _____.